

UMSKAL Team B juara Tarik Tali Umno Sungai Bedaun

UB 17.4.2014 A14
LABUAN: Pasukan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Team B muncul juara Kejohanan Tarik Tali Jemputan Karnival Sukan Kampung Sungai Bedaun 2014.

Kejohanan anjuran Umno Cawangan Sungai Bedaun itu diadakan di kawasan lapang Dewan Komuniti Kampung Sungai Bedaun pada Sabtu lalu.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Umno Bahagian Labuan, Datuk Bashir Alias yang mewakili Ketua Umno Labuan, Datuk Rozman Isli.

Turut hadir Ahli Dewan Negara Senator Datuk Yunus Kurus, Ketua Kampung Sungai Bedaun Abd Latif Amdan dan Ketua Umno Cawangan Sungai Bedaun Sahari Amdan.

Hadir sama Ketua Wanita Umno Datuk Aini Safar dan



BASHIR (baju putih), **Latif** (empat kiri) dan **Sahari** (dua kanan) bersama pasukan UMSKAL (duduk baju belang) dan **Layang-Layangan** sebelum perlawanan akhir tarik tali di Kampung Sungai Bedaun.

Ketua Puteri Ernie John.

Dengan kemenangan itu, UMSKAL Team B membawa pulang hadiah wang tunai RM500 dan medal.

Naib johan disandang Kampung Layang-Layangan

Projek B dengan menerima RM300 manakala ketiga dimenangi tuan rumah, Kampung Sungai Bedaun Apache meraih RM200 dan medal.

Sebanyak 9 pasukan

menyertai kejohanan sehari itu.

Pasukan UMSKAL diwakili Mazlan Jumat, Rayme Musa, Md Azibullah Ollah, Md Rahim Warset, Mohd Edwin Jamil dan Syahrulnizam

Wahanin.

Menurut pengurus pasukannya Maida Latip berkata, anak buahnya telah menunjukkan prestasi terbaik dengan menewaskan lawan di perlawanan akhir.

Katanya, sebelum menyertai kejohanan itu, pasukan UMSKAL telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan lain bagi memantapkan.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang banyak memberikan sokongan moral kepada pasukan tarik tali tersebut.

Maida berkata, pasukan tarik tali UMSKAL akan menyertai kejohanan tarik tali terbuka sempena Cabaran Sukan Laut Antarabangsa Labuan (LISC) pada 26 – 27 April ini di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun.